


Laporan Tahunan
2020



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

"**MELINDUNGİ** PESAKIT DAN **MEMBIMBING** DOKTOR"

KANDUNGAN



PERUTUSAN

- Perutusan Presiden

muka surat

6-7

MAKLUMAT KORPORAT

- Visi, Moto, Objektif dan Fungsi-fungsi Utama
- Presiden dan Ahli-ahli Majlis
- Kumpulan Pengurusan
- Carta Organisasi dan Carta Fungsi

10-11

14-16

17

18-19





LAPORAN PENCAPAIAN

• Transisi Fakta MPM	muka surat 22
• Laporan Pendaftaran	24
• Laporan Perakuan Amalan Tahunan (APC)	36
• Laporan Akreditasi dan Pengiktirafan	38
• Laporan Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara (EPR)	40
• Laporan Etika dan Tatatertib	42
• Laporan Pendapatan	46
• Lampiran-lampiran	48

**AKTIVITI
MPM**
2020
muka surat **86**

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN


muka surat **96**

- Laporan dan Penyata Kewangan 2020

Nota

Di mana disebutkan, “Akta Perubatan 1971” dalam laporan ini merujuk kepada Akta Perubatan sebelum pindaan pada tahun 2012.

Akta Perubatan yang dipinda akan dinyatakan sebagai “Akta Perubatan 1971” (Pindaan 2012) atau sebagai “Akta”.



Sidang **REDAKSI**

Laporan Tahunan 2020
Majlis Perubatan Malaysia

PENAUNG

Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Presiden

PENASIHAT

Dato' Dr. Mohd. Khairi Bin Yakub
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Cik Fatim Nasuha Binti Badaruddin
Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa

EDITOR

Dr. Ahmad Khairil Faizi Bin Rosli
Bahagian Etika dan Perundangan

Dr. Mohamed Anas Bin Mohamed Hussain
Bahagian Pendaftaran &
Pembangunan Profesionalisma

Dr. Goh Vern Zhi Denise
Bahagian Pendaftaran &
Pembangunan Profesionalisma

Dr. Nafisah Binti Abdul Rashid
Bahagian Pendaftaran &
Pembangunan Profesionalisma

En. Muhammad Zharif Bin Md Khairi
Bahagian Khidmat Pengurusan



PERUTUSAN

Presiden



PERUTUSAN Presiden

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi ke atas kesempatan bagi menulis sepatah dua kata pengantar untuk laporan tahunan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bagi tahun 2020 pada kali ini. Selari dengan pengkorporatan MPM, pihak Majlis dan Sekretariat telah mengembangsegala usaha dan tenaga dalam membangunkan tahap perkhidmatan yang lebih tinggi demi kepuasan kepada pengamal-pengamal perubatan di negara ini.

MPM telah melakar sejarah baru pada tahun 2020 setelah 49 tahun ianya ditubuhkan. Agenda utama iaitu pembangunan dan pemantapan sistem permohonan secara dalam talian bagi pendaftaran pengamal perubatan telah berjaya dicapai. Pada 31 Januari 2020, MPM telah berjaya mentransformasikan sistem manual secara digital dengan membangunkan dan menggunakan sistem *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) sepenuhnya bagi urusan pendaftaran pengamal perubatan dengan MPM.

Pada awal pelancarannya, MPM menghadapi pelbagai cabaran. Namun, MPM telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program *MMC Ready to Assist*, Program Mesra Pelanggan dan *APC Counter Service* yang disasarkan kepada pengamal yang tidak mahir dalam penggunaan sistem MeRITS.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM
BIN ABDULLAH**
Presiden
Majlis Perubatan Malaysia



MPM juga telah mempromosikan sistem MeRITS secara interaktif melalui video *APC Tutorial Series : Renewal* yang dimuatnaik di laman *Youtube* rasmi MPM. Tahun 2020 juga merupakan tahun paling mencabar buat warga kesihatan di Malaysia kerana para barisan hadapan perlu berdepan dengan gelombang pandemik COVID-19 menyebabkan mereka menghadapi kekangan masa untuk berurusan dengan MPM. Namun, pembangunan sistem MeRITS ini amat membantu memudahkan para doktor di seluruh negara bagi urusan pendaftaran mereka dengan MPM.

Bermula 1 Jun 2020, MPM juga telah mewujudkan dasar baru iaitu semua pengamal perubatan graduan dari luar negara sama ada warganegara atau bukan warganegara perlu melalui proses verifikasi dokumen ijazah dan transkrip asas perubatan serta pakar sebelum didaftarkan dengan MPM. Sehubungan itu, satu perjanjian untuk melantik dua (2) badan yang terlibat dengan *primary source verification* iaitu *Dataflow Group* dan *Educational Commission For Foreign Medical Graduates (ECFMG)* telah berjaya diaturkan. Usaha ini adalah bagi menjamin kualiti pengamal perubatan berdaftar yang selamat untuk merawat orang awam.

Menjelang akhir tahun 2020, MPM telah merancang dan merangka Pelan Strategik Majlis Perubatan Malaysia bagi tahun 2021 hingga 2026 bagi menetapkan halatuju MPM dalam tempoh lima tahun akan datang. Objektif pembentukan pelan strategi ini adalah sebagai panduan visi, misi, objektif dan keberhasilan yang ingin dicapai, mengenal pasti isu-isu strategik yang dihadapi dan membuat perancangan pelaksanaan pelan strategik oleh MPM serta membina pelan tindakan yang sesuai dalam mencapai matlamat pembangunan dan kemajuan MPM.

Akhir sekali, pencapaian yang ditonjolkan oleh MPM kini selari dengan pembangunan pesat Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) dengan memberikan perkhidmatan dengan pantas sekaligus meningkatkan kualiti pengamal perubatan yang didaftarkan. Justeru itu, saya berharap dengan pencapaian MPM sepanjang tahun 2020 ini dapat menyuntik semangat seluruh warga kerja MPM dalam mengekalkan momentum kerjasama berpasukan yang jitu dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang demi merealisasikan objektif-objektif utama MPM pada masa hadapan.





Maklumat

KORPORAT



MAKLUMAT KORPORAT

Dalam usaha memberi perkhidmatan perubatan yang berkualiti dan selamat untuk negara, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah ditubuhkan dengan Akta Parliment yang diluluskan pada 27 September 1971 dan telah diwartakan pada 30 September 1971.

Pada 9 Mei 2007, Kabinet Kerajaan Malaysia telah memberi kelulusan kepada MPM untuk berfungsi sebagai badan korporat seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 3 Akta Perubatan 1971. MPM telah diwartakan sebagai sebuah badan korporat pada 1 Julai 2017 selepas pindaan dibuat kepada Akta Perubatan 1971 pada tahun 2012 dan Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 yang digantikan oleh Peraturan-Peraturan Perubatan 2017.

VISI

Matlamat utama MPM adalah untuk memastikan standard etika, pendidikan dan amalan perubatan yang tinggi, demi kepentingan pesakit, orang awam dan profesion perubatan melalui pentadbiran Akta yang adil dan efektif.

AKTA & PERATURAN

Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), selepas ini dirujuk sebagai "Akta", dan Peraturan Perubatan 2017, selepas ini dirujuk sebagai "Peraturan-peraturan".

MOTO

Melindungi pesakit dan membimbing doktor.
"Safeguarding patients and guiding doctors."



OBJEKTIF MAJLIS

01

Memastikan pengamal perubatan sesuai untuk mengamal dan memberi tumpuan kepada keselamatan awam dengan matlamat mencapai ekuiti kesihatan dan meningkatkan hasil kesihatan.

02

Meningkatkan hubungan dan perkongsian Majlis dengan orang awam, profesion dan pihak berkepentingan untuk tujuan utama Majlis.

03

Memberi piawaian kecekapan klinikal, keselamatan pesakit dan pematuhan kod etika dan memastikan piawaian yang dapat mencerminkan jangkaan orang ramai, profesion dan pihak berkepentingan

04

Memperbaiki hasil pengawalseliaan amalan perubatan dan pengamal perubatan dengan mengadakan sistem pendaftaran pengamal perubatan yang berwibawa dan sesuai untuk mengamalkan perkhidmatan bersepada ke dalam perkhidmatan kesihatan.

05

Mewujudkan standard pendidikan perubatan pra / pasca siswazah bagi tujuan pengiktirafan dan jaminan kualiti kelayakan perubatan.


● KUASA MAJLIS

Seksyen 4A, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)
Pendaftaran dan pensijilan pengamal perubatan.
Pengawalan standard pengamal perubatan yang berdaftar.
Pengawalan kod profesional dan etika pengamal perubatan yang berdaftar.

● FUNGSI MAJLIS

Seksyen 4, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)
Mendaftar pengamal perubatan.
Mengawal selia amalan perubatan.
Menentukan apa-apa fi atau denda.
Menetapkan lain-lain peruntukan.

FUNGSI-FUNGSI UTAMA MPM





Presiden dan

AHLI-AHLI MAJLIS





Presiden

Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Seksyen 3A(1)(a) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)

Ahli-ahli

Sebelum 1 Julai 2017 dilantik/dipilih di bawah Akta Perubatan 1971
Selepas 1 Julai 2017 dilantik/dipilih di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)

Dilantik:
Universiti & Kolej Universiti
Seksyen 3A(1)(b) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)



**Maj. Gen. (B)
Dato' Pahlawan
Dr. R Mohanadas**
(15.11.17-14.11.20)



**Prof. Dr. Victor Lim
Kok Eow**
(15.11.17-14.11.20)



**Prof. Dr. Zaleha
Abdullah Mahdy**
(15.11.17-14.11.20)



**Prof.
Dr. Zamberi Sekawi**
(15.11.17-14.11.20)



**Prof. Emeritus Dr.
Cheong Soon Keng**
(15.11.17-14.11.20)



**Prof.
Dr. Ahmad Hata
Bin Rasit**
(15.11.17-14.11.20)



**Prof.
Dr. Shaiful Bahari
Bin Ismail**
(15.11.17-14.11.20)
(15.11.20-14.11.23)



**Prof.
Dr. Zabidi Azhar
Bin Mohd Hussin**
(15.11.17-14.11.20)
(15.11.20-14.11.23)



**Prof.
Dato' Dr. Yang Faridah
Binti Abdul Aziz**
(15.11.17-14.11.20)
(15.11.20-14.11.23)



**Prof.
Dato' Dr. Sellaiah
Sithambaram Pillay**
(15.11.20-14.11.23)



**Prof.
Dr. Asri Bin Said**
(15.11.20-14.11.23)



**Prof.
Dr. Mohammad
Saffree Bin Jeffree**
(15.11.20-14.11.23)



**Prof.
Dr. Mohd Zamrin
Bin Dimon**
(15.11.20-14.11.23)



**Prof. Dr. Muhammad
Shamsir Bin Mohd Aris**
(15.11.20-14.11.23)




**Prof.
Dr. Ng Teck Han**
(15.11.20-14.11.23)

**Dilantik:
Sektor Swasta**
Seksyen 3A(1)(c) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)



**Dilantik:
Sektor Awam**
Seksyen 3A(1)(d) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)



**Dipilih:
Semenanjung Malaysia
Seksyen 3A(1)(e) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**



**Prof. Dato' Dr. Ahmad
Sukari Bin Halim**
(27.01.18-26.01.21)



**Dato' Dr. Lailanor
Bin Ibrahim**
(27.01.18-26.01.21)



**Prof. Dato' Dr.
Mafauzy Bin Mohamed**
(27.01.18-26.01.21)



**Prof. Madya Dr.
Mohamed Rusli Bin
Abdullah**
(27.01.18-26.01.21)



**Prof. Dr. Nor Azmi
Bin Kamaruddin**
(27.01.18-26.01.21)



**Prof. Dato' Dr. Wan
Mohamad Bin Wan
Bebakar**
(27.01.18-26.01.21)



**Dr. Milton Lum
Siew Wah**
(14.08.19-13.08.22)



**Prof. Dato' Dr.
Anuar Zaini Md. Zain**
(14.08.19-13.08.22)



**Dato' Dr. Hanafiah
Harunarashid**
(14.08.19-13.08.22)



**Datuk Dr. Kuljit
Singh A/L Mahindar
Singh**
(14.08.19-13.08.22)



**Prof. Dr. Nor Hayati
Binti Othman**
(14.08.19-13.08.22)



**Dr. Ahmad
Mahyuddin Bin
Mohamed**
(14.08.19-13.08.22)



**Dr. Suhazeli Bin
Abdullah**
(14.08.19-13.08.22)



**Tan Sri Dato' Dr.
Yahya Bin Awang**
(14.08.19-13.08.22)



**Prof. Dato' Sri Dr.
Abu Hassan Asaari
Bin Hj. Abdullah**
(14.08.19-13.08.22)

Dipilih: Sabah

Seksyen 3A(1)(f) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)



**Datuk Dr. Hajah
Suzain Binti Datuk
Suhaimi**
(24.08.17-23.08.20)
(24.08.20-23.08.23)

Dipilih: Sarawak

Seksyen 3A(1)(g) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)



**Dr. Kalwinder
Singh Khaira**
(01.07.18-30.06.21)

KUMPULAN PENGURUSAN


PRESIDEN

Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF


Dato' Dr. Mohd. Khairi Bin Yakub



Majlis Perubatan Malaysia
Blok B, Aras Bawah
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2691 2171
Emel : admin.mmc@moh.gov.my
Laman Web : mmc.gov.my

Carta Organisasi



Carta Fungsi

MPM

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

BHG DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

- a. Merangka dan membangunkan peraturan - peraturan/garis panduan/kriteria pendaftaran pengamal perubatan.
- b. Perancangan & pembangunan pelan strategik perkembangan amalan perubatan dan penilaian semula.
- c. Perancangan pembangunan, dasar-dasar, peraturan, garis panduan, kriteria dan pelaksanaan aktiviti pendaftaran pengamal perubatan.
- d. Merancang, membangun dan menyelaras aktiviti pendaftaran pengamal perubatan supaya selaras dengan perkembangan perkhidmatan perubatan.
- e. Penyelaras dan pemantauan isu-isu pendaftaran perubatan di peringkat intra/inter agensi.
- f. Mengumpul maklumat berkaitan pengamal perubatan.
- g. Penyelaras dan pemantauan isu-isu pengamal perubatan diperingkat tempatan dan antarabangsa.
- h. Penyelaras dan pemantauan bagi tujuan menangani isu-isu berkaitan pengamal perubatan tempatan dan antarabangsa.
- i. Penyelaras bagi tujuan penyeragaman global berkaitan keperluan regulatori.
- j. Perkhidmatan perunding dan nasihat berhubung dengan pengamal perubatan dan aktivitinya.
- k. Menyelaras dan mengurusetia mesyuarat, bengkel, program kerja sama dan aktiviti - aktiviti berkaitan dengan dasar amalan perubatan.
- l. Memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam aspek komunikasi dan perhubungan awam.
- m. Mengukuhkan perhubungan Pihak Berkua MPM dengan media massa.

BHG PENDAFTARAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME

- a. Memproses permohonan pendaftaran pengamal perubatan di Malaysia.
- b. Membangun, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pengamal perubatan iaitu:
 - i. Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)
 - ii. Ujian Kelayakan dan *Fitness To Practice*
 - iii. Pengiktirafan/akreditasi
 - iv. Pendaftaran pakar
 - v. Pendaftaran bukan pakar
 - vi. KPI, ISO dan *Quality Assurance Program* (QAP)
 - vii. Perakuan Amalan Tahunan
 - viii. Pengendalian/ Penangguhan Khidmat Wajib
 - ix. Penilaian dan pendaftaran pengamal perubatan
 - x. Penyemakian permohonan dan pengeluaran sijil pengamal perubatan

BHG. ETIKA DAN PERUNDANGAN

- a. Menjalankan aktiviti berkaitan etika dan perundungan iaitu:
 - i. Penguatkuasaan
 - ii. Pemantauan
 - iii. Siasatan
 - iv. Pendakwaan
 - v. Pembelaan
- b. Mengawal dan mengawasi amalan perubatan supaya mematuhi kod etika pengamal perubatan.
- c. Pengumpulan maklumat berkaitan pengamal perubatan yang tidak berdaftar dan salah laku pengamal perubatan
- d. Pemantauan dan pengawasan prestasi keselamatan dan obligasi selepas pendaftaran pengamal perubatan merangkumi *adverse event, reporting, recall, incident investigation*.
- e. Merancang operasi pencegahan kepada pengamal perubatan yang melakukan kesalahan di bawah Akta.
- f. Melakukan lawatan dan pemeriksaan bagi memperolehi bahan bukti dan dokumen.

BHG. KHIDMAT PENGURUSAN

- a. Pengurusan Majlis Perubatan Malaysia iaitu:
 - i. Pentadbiran
 - ii. Sumber Manusia
 - iii. Logistik dan Pengangkutan
 - iv. Keselamatan
 - v. Kewangan & Perakaunan
 - vi. Inventori asset/stor
- b. Pembangunan sistem dan penyelenggaraan ICT.
- c. Pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan sistem aplikasi pendaftaran dan persijilan.
- d. Pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penyelenggaraan pangkalan data dan pengurusan.
- e. Validasi perisian pengamal.

28,161.92
26,465.54

52%





Laporan

PENCAPAIAN



Laporan **PENCAPAIAN**

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM) **Transisi Fakta MPM Tahun 2017 sehingga 2020**

FAKTA	2017	2018	2019	2020
Pendaftaran Sementara	6147	5867	4999	5218
Pendaftaran Penuh tanpa Syarat Seksyen 14(1) Akta	3879	3748	5977	3524
Pendaftaran Penuh dengan Syarat Seksyen 14(3) Akta	313	265	246	241
Pendaftaran Pakar Perubatan	821 (Sebelum 1 Julai)	844 (Selepas 1 Julai)	2148	893
Perakuan Amalan Sementara (TPC)	256	210	139	45
<i>Letter of Good Standing</i> (LOGS) & Lain-lain Dokumen	827	640	631	463
Perakuan Pengamalan Tahunan (APC)	44802	48190	51310	56192
Jumlah Aduan yang Diterima (di bawah Akta Perubatan 1971)	107	38	25	4
Jumlah Aduan yang Diterima (di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012))	11	69	63	44



Jawatankuasa - Jawatankuasa MPM

Jadual Pertama dalam Akta memperuntukan penubuhan jawatankuasa oleh Majlis untuk membantunya melaksanakan tugas-tugasnya. Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

Jawatankuasa-jawatankuasa	
Pra-Pendaftaran	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR)
Pendaftaran / Pensijilan	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Penilaian 1 (Kelayakan Pra-Siswazah) Jawatankuasa Penilaian 2 (Kelayakan Pakar Perubatan) Jawatankuasa Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)
Fitness to Practice (FTP)	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa <i>Fitness to Practice</i> (FTP) Jawatankuasa <i>Medical Review Panel</i> (MRP) Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (<i>Medical Qualifying Committee</i>)
Pengiktirafan/ Penetapan Standard	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Teknikal Bersama (MPM, KKM, JPA, MQA, KPT, JPT, IPTA, IPTS) Jawatankuasa Pendidikan Perubatan (<i>Medical Education Committee</i>) <ul style="list-style-type: none"> <i>Undergraduate Education Subcommittee</i> <i>Housemanship Education Subcommittee</i> <i>Specialty Education Subcommittee</i> <i>Subspecialty Education Subcommittee</i>
Etika/Tatatertib	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Etika Jawatankuasa CPC (<i>Code of Professional Conduct</i>) Jawatankuasa Amalan Perubatan (<i>Good Medical Practice</i>) Jawatankuasa Perintah Tetap (<i>Standing Orders</i>) Jawatankuasa Pengurusan Aduan (<i>Complaints Management Committee</i>) Jawatankuasa Draf Pertuduhan (<i>Draft Charge</i>) Jawatankuasa <i>Medical Genetics and Genetics Service</i> Jawatankuasa <i>Code of Professional Conduct for Treatment of Children</i> Di bawah Akta Perubatan 1971: <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (I-VI) Di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012): <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (1-5) Jawatankuasa Panel Lembaga Tatatertib (1-5)
Legislatif	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Pindaan Akta Perubatan dan Peraturan-Peraturan Perubatan
Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Lembaga Perolehan Jawatankuasa ICT
Dasar dan Hubungan Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Pemilihan Ahli MPM Jawatankuasa Tatatertib dan Buang Kerja MPM Jawatankuasa Semakan Pemilihan Ahli bagi IPTA/IPTS Jawatankuasa <i>Standing Order for Council Meeting MPM</i> Jawatankuasa Audit MPM

Keahlian jawatankuasa-jawatankuasa di atas diperinci di bahagian Lampiran.

Pendaftaran Pengamal Perubatan

Semua pengamal perubatan perlu berdaftar dengan MPM untuk mengamalkan profesi perubatan yang sah di Malaysia. Keperluan ini adalah untuk memastikan bahawa seorang pengamal perubatan tersebut perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan tahap kecekapan yang mencukupi dalam memberikan rawatan yang selamat dan berkesan kepada orang awam di Malaysia.

Kategori pendaftaran di bawah MPM adalah seperti:

a. Pendaftaran Sementara (di bawah Seksyen 12 dan 13 Akta)

- Pendaftaran sementara membentangkan pengamal baru yang berkelayakan menjalani latihan klinikal di bawah penyeliaan.
- Pengamal akan diberikan pendaftaran penuh setelah selesai menjalani latihan dengan jayanya.

b. Pendaftaran Penuh (di bawah Seksyen 14 Akta)

- Pendaftaran Penuh membolehkan seorang pengamal perubatan beramal tanpa penyeliaan.
- Terdapat dua jenis Pendaftaran Penuh:
 - i. Tanpa syarat (di bawah Seksyen 14(1) Akta)
 - Tiada sekatan dan syarat dikenakan selepas selesai khidmat wajib.
 - ii. Dengan syarat (di bawah Seksyen 14(3) Akta)
 - Pengamal yang berdaftar tertakluk kepada sekatan dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri Kesihatan selepas berunding dengan Majlis.
 - Pengamal dibenarkan untuk beramal mengikut tempat amalan, skop amalan dan tempoh masa yang ditetapkan.

c. Pendaftaran Pakar Perubatan (di bawah Seksyen 14A, 14B dan 14C Akta)

- Pengamal perubatan pakar wajib berdaftar selepas pindaan kepada Akta Perubatan 1971.
- Seorang pakar perubatan yang namanya tidak didaftarkan ke Daftar Pakar tidak dibenarkan mengamal sebagai pakar dalam sesuatu bidang itu.

d. Perakuan Amalan Sementara (di bawah Seksyen 16 Akta)

- Perakuan Amalan Sementara diberikan kepada pengamal berdaftar di luar Malaysia yang ingin mengamalkan perubatan di Malaysia sama ada bagi tujuan latihan pengamal tempatan di dalam bengkel/persidangan, penyelidikan dan latihan klinikal.

Pendaftaran: Pendaftaran Sementara

Bilangan pengamal yang diberikan Pendaftaran Sementara mengikut status kelayakan institusi yang diperolehi sama ada dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) atau dari institusi perubatan luar negara adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Jumlah Pendaftaran Sementara Pengamal Perubatan Mengikut Institusi

Institusi	2017	2018	2019	2020
Dalam Negara: Awam	1591	1482	1373	1314
Dalam Negara: Swasta	2308	2509	1973	2022
Jumlah Dalam Negara	3899	3991	3346	3336
Luar Negara	2248	1876	1653	1882
Jumlah Keseluruhan	6147	5867	4999	5218

Jadual 1 di atas bagi tahun 2020 menunjukkan peningkatan jumlah pendaftaran sementara daripada tahun 2019 yang dikeluarkan kepada graduan perubatan disebabkan oleh keperluan pengambilan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berikutan situasi pandemik Covid-19.

Statistik pendaftaran sementara bagi PPS yang memasuki latihan siswazah di Malaysia ini juga tidak menggambarkan bilangan yang tepat memandangkan terdapat pengamal perubatan yang memilih laluan alternatif atau memilih untuk memulakan karier mereka di luar negara selepas memiliki pendaftaran. Berikut merupakan Carta 1 yang menunjukkan graf bagi jumlah permohonan pendaftaran sementara dari tahun 2017 sehingga 2020:

Carta 1: Jumlah Pengamal Perubatan Berdaftar Sementara



Pendaftaran Sementara yang diberikan membolehkan PPS ini beramal di hospital-hospital latihan siswazah yang telah diluluskan oleh *Medical Qualifying Committee* (MQC). Senarai hospital yang menawarkan latihan siswazah adalah seperti di Lampiran pada muka surat 82.

Walaupun urusan pra-pendaftaran dan standard latihan siswazah adalah di bawah pengurusan MPM, pengambilan PPS adalah bergantung pada ketersediaan slot latihan di KKM.

Pendaftaran: Pendaftaran Penuh


Pengamal perubatan yang telah melengkapkan latihan siswazah di Malaysia atau menjalani latihan klinikal di luar negara yang diiktiraf adalah layak untuk memohon Pendaftaran Penuh dari MPM. Jadual 2 di bawah menunjukkan statistik pengamal perubatan yang telah berdaftar penuh dengan MPM.

Jadual 2: Jumlah Pendaftaran Penuh Mengikut Kewarganegaraan dan Pusat Latihan Siswazah

Akta Berkaitan	Kategori	2017	2018	2019	2020
Pendaftaran merujuk kepada Seksyen 14(1)	Warganegara – Latihan Siswazah Dalam Negara	3808	3660	5893	3471
	Warganegara – Latihan Siswazah Luar Negara	71	88	84	53
Jumlah		3879	3748	5977	3524
Pendaftaran merujuk kepada Seksyen 14(3)	Bukan Warganegara – Latihan Siswazah Dalam Negara	15	0	0	0
	Bukan Warganegara – Latihan Siswazah Luar Negara	298	265	246	241
Jumlah		313	265	246	241
Jumlah Keseluruhan		4192	4013	6223	3765

Berikut merupakan Carta 2 yang menunjukkan graf permohonan pendaftaran penuh mengikut kewarganegaraan mulai tahun 2017 sehingga 2020.

Carta 2: Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh Mengikut Kewarganegaraan



Pendaftaran: Pendaftaran Pakar Perubatan

Daftar Pakar Perubatan Negara (DPPN) / *National Specialist Register* (NSR) telah ditubuhkan sejak Ogos 2006 sebelum pindaan kepada Akta Perubatan 1971 dibuat. Pembentukan NSR merupakan kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Akademi Perubatan Malaysia (AMM) yang menghasilkan daftar pakar perubatan negara melalui proses pendaftaran secara sukarela oleh pengamal perubatan pakar. NSR sebelum ini telah dipersetujui diuruskan oleh AMM disebabkan proses pindaan kepada Akta Perubatan yang mengambil masa yang lama sehingga pendaftaran pakar menjadi keutamaan wajib di bawah undang-undang.


Pada 1 Julai 2017, senarai pakar telah diwajibkan berikutnya penguatkuasaan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012). Dengan ini, semua pengamal perubatan berdaftar yang ingin mengamal sebagai pakar perubatan memerlukan nama mereka didaftarkan ke dalam senarai Daftar Pakar. Pada tahun 2019, MPM telah berbincang bersama AMM berkenaan pengambilalihan fungsi NSR oleh MPM berdasarkan tuntutan Akta Perubatan. Satu memorandum persefahaman (Memorandum of Agreement) juga telah ditandatangani oleh MPM dan AMM pada 15 Oktober 2019. Usaha pengambilalihan tersebut diteruskan dengan penglibatan sekretariat MPM menjalani latihan teknikal kerja-kerja NSR dan pendedahan terhadap penggunaan sistem NSR sehingga kini.

Jadual 3 dan Carta 3 di bawah menunjukkan bilangan permohonan pendaftaran pakar perubatan mulai tahun 2017 sehingga 2020.

Jadual 3: Jumlah Pendaftaran Pakar Perubatan bagi Tahun 2017 sehingga 2020

Tahun	2017		2018	2019	2020
	Penguatkuasaan Sebelum 1 Julai	Penguatkuasaan Selepas 1 Julai			
Awam	701	109	1628	818	858
Swasta	120	735	520	75	50
Jumlah	821	844	2148	893	908

Carta 3: Pengamal Perubatan Berdaftar Pakar Mengikut Sektor mulai Tahun 2017 sehingga 2021



Pendaftaran: Perakuan Amalan Sementara (TPC)

Perakuan Amalan Sementara (PAS) / *Temporary Practice Certificate* (TPC) diberikan kepada pengamal berdaftar di luar Malaysia yang ingin mengamalkan perubatan di Malaysia sama ada bagi tujuan latihan pengamal tempatan di dalam bengkel/persidangan, penyelidikan dan latihan klinikal. Namun sepanjang tahun 2020, TPC yang telah dikeluarkan untuk tujuan selain pekerjaan adalah berkurangan disebabkan oleh sekatan kemasukan pengamal dari luar negara ke dalam negara berikutan pandemik Covid-19.

Jumlah permohonan TPC tersebut boleh dilihat dalam Jadual 4 dan Carta 4 bagi menunjukkan graf permohonan mulai tahun 2017 sehingga 2020 seperti di bawah:

Jadual 4: Jumlah Perakuan Pendaftaran Sementara (TPC) mulai Tahun 2017 sehingga 2021

Tahun	2017	2018	2019	2020
Jumlah TPC	256	210	139	45

Carta 4: Pengamal Perubatan Didaftarkan Perakuan Pendaftaran Sementara



Jadual 5 di bawah merupakan jumlah permohonan TPC mengikut negara asal pemohon mulai tahun 2017 sehingga 2020 seperti di bawah:

Jadual 5: Jumlah TPC Mengikut Negara Asal Pemohon bagi Tahun 2017 sehingga 2020

Negara	Jumlah Pemohon				Negara	Jumlah Pemohon			
	2017	2018	2019	2020		2017	2018	2019	2020
Afghanistan	-	1	1	-	Kenya	-	-	1	-
Amerika Syarikat	9	3	5	-	Laos	2	-	-	-
Arab Saudi	-	1	2	-	Libya	1	-	-	-
Australia	7	1	2	-	Maldives	-	-	-	1
Austria	1	-	-	-	Malaysia	7	3	1	-
Bahrain	-	2	1	-	Mauritius	1	3	-	-
Bangladesh	4	6	1	-	Mongolia	1	1	-	-
Belgium	1	-	-	-	Myanmar	8	5	10	-
Bhutan	3	1	-	-	Nepal	1	2	2	1
British	1	-	-	-	Oman	1	1	-	-
Belanda	1	-	-	-	Pakistan	6	3	2	-
Chile	1	1	-	-	Papua New Guinea	1	-	-	-
China	12	9	17	4	Philipines	7	12	5	2
Egypt	5	2	2	1	Perancis	-	1	1	-
Hungry	-	-	-	2	Singapura	21	12	6	1
Hong Kong	1	1	-	-	Sri Langka	1	-	-	-
India	17	10	12	3	Sudan	13	15	6	1
Indonesia	18	13	8	5	Switzerland	1	2	-	2
Iran	-	1	-	-	Sweden	-	-	-	-
Iraq	3	1	2	1	Syria	1	-	-	-
Ireland	-	1	-	1	Taiwan	6	2	2	-
Italy	4	4	2	1	Thailand	19	27	9	7
Jepun	29	30	21	8	UAE	1	-	-	-
Jordan	1	-	1	-	United Kingdom	8	8	5	-
Jerman	5	5	5	2	Uganda	-	1	-	-
Korea	20	18	4	-	Vietnam	3	1	2	2
Kyrgyztan	1	-	-	-	Yaman	2	-	1	-
JUMLAH					JUMLAH	256	210	139	45

Lain-lain Dokumen: ***Letter of Good Standing (LOGS)***

Letter of Good Standing (LOGS) merupakan satu dokumen yang dikeluarkan kepada pengamal perubatan yang memohon dengan menyatakan status tidak hilang kelayakan atau digantung pendaftaran dengan MPM dan tidak dilarang daripada mengamalkan perubatan atau tidak mempunyai sebarang tindakan tatatertib yang belum selesai atau diambil terhadap mereka.

Tujuan sijil LOGS dikeluarkan adalah untuk pendaftaran pengamal dengan majlis-majlis perubatan luar negara atau badan pendaftaran profesional yang lain. Sijil ini dikeluarkan bagi pengamal perubatan berdaftar yang telah mematuhi keperluan khidmat wajib dan syarat-syarat pendaftaran yang lain dan hanya sah selama tiga bulan dari tarikh pengeluaran sijil.

Selain daripada pengeluaran sijil LOGS, unit ini juga ditugaskan untuk memproses dokumen-dokumen lain seperti terjemahan sijil amalan dan pendaftaran yang biasanya diperlukan bersama-sama dengan sijil LOGS. Jadual 6 dan 7 di bawah menunjukkan jumlah permohonan sijil LOGS mulai tahun 2017 sehingga 2020.

Jadual 6: Jumlah Pengeluaran *Letters of Good Standing (LOGS)* mulai Tahun 2017 sehingga 2018

Tahun	2017	2018
Jumlah	827	640

Jadual 7: Jumlah Pengeluaran *Letters of Good Standing (LOGS)* mengikut bulanan mulai Tahun 2019 sehingga 2020

Bulan	Tahun/Bil. Permohonan	
	2019	2020
Januari	39	60
Februari	34	77
Mac	11	26
April	47	19
Mei	62	52
Jun	67	33
Julai	77	29
Ogos	80	19
September	62	38
Oktober	48	26
November	42	40
Disember	62	44
Jumlah	631	463

Carta 5 di bawah menggambarkan graf bagi jumlah pengeluaran LOGS kepada pengamal perubatan berdaftar dengan MPM mulai tahun 2017 sehingga 2020.

Carta 5: Jumlah Pengeluaran *Letters of Good Standing* (LOGS) mulai Tahun 2017 sehingga 2020



Fitness to Practice (FTP)

Pengamal perubatan yang ingin beramat perlu berkeupayaan dengan baik semasa melaksanakan tugas rawatan. Oleh tu, MPM bersetuju bahawa perlunya sebuah jawatankuasa khusus bagi menentukan keupayaan seorang pengamal perubatan yang terlibat dalam kes-kes ketidakcekapan atau kecelaruan mental sama ada boleh beramat dengan selamat dan kompeten atau sebaliknya. Bagi memenuhi fungsi ini, MPM telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

- a) Jawatankuasa *Fitness to Practice* (FTP)
- b) Jawatankuasa *Medical Review Panel* (MRP)

Jawatankuasa *Fitness to Practice* (FTP)

MPM telah diberi kuasa untuk melantik Jawatankuasa *Fitness to Practice* (FTP) di bawah seksyen 19(1) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) bagi tujuan penilaian tahap keupayaan pengamal perubatan yang memiliki masalah kesihatan fizikal atau mental atau tahap kompetensi yang rendah untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pengamal perubatan.

Jawatankuasa ini berperanan untuk menilai dan mengesyorkan kepada Majlis sama ada seseorang pengamal itu layak untuk terus mengamal atau tidak. Jawatankuasa ini juga boleh mengesyorkan kepada Majlis untuk mengenakan sekatan ke atas amalan pengamal perubatan berdaftar yang terlibat. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga boleh merujuk seseorang pengamal itu kepada Jawatankuasa Panel Kajian Semula Perubatan (PKSP) / *Medical Review Panel* (MRP) sekiranya berkeperluan.




Jadual 8 di bawah merumuskan statistik syor Jawatankuasa FTP yang telah diperakukan oleh Majlis.

Jadual 8: Statistik syor Jawatankuasa FTP yang diperakukan oleh Majlis sejak Tahun 2017 sehingga 2020

	Syor Jawatankuasa FTP	Tahun/Bil. Kes			
		2017	2018	2019	2020
Selamat untuk mengamal	Diberi Pendaftaran Penuh	6	6	19	9
	Diberi Pendaftaran Sementara	13	14	1	1
	Dibenarkan meneruskan latihan siswazah	8	12	9	5
	Dibenarkan untuk mengamal	2	6	11	11
	Pendaftaran semula nama ke dalam Buku Daftar Perubatan Malaysia (<i>Reinstatement</i>)	-	-	-	1
	Diluluskan				
Tidak selamat untuk mengamal	Pembatalan Pendaftaran Penuh	-	1	1	-
	Pembatalan Pendaftaran Sementara	1	-	1	1
	Pendaftaran semula nama ke dalam Buku Daftar Perubatan Malaysia (<i>Reinstatement</i>)	-	-	-	-
	Ditolak				
	Memerlukan rawatan susulan	-	-	1	3
Tangguh	Dokumen tidak lengkap	-	-	-	5
	Tidak hadir penilaian	-	-	-	1
	Mendapatkan rawatan sepenuhnya	-	-	-	2
	Rujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan	-	-	-	-
Lain-lain		-	-	15	-
Jumlah		30	39	58	39

Carta 6 di bawah menunjukkan graf bagi jumlah pengamal yang dinilai oleh Jawatankuasa FTP sejak tahun 2017 sehingga 2020.

Carta 6: Jumlah pengamal yang dinilai oleh Jawatankuasa FTP sejak tahun 2017 sehingga 2020 (Jumlah keseluruhan: 166 kes)



Jawatankuasa *Medical Review Panel (MRP)*

Walaupun telah dimansuhkan dalam Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), berdasarkan kuasa yang diberi untuk membentuk sesebuah jawatankuasa, Majlis telah mengekalkan Jawatankuasa Panel Kajian Semula Perubatan (PKSP) / *Medical Review Panel* (MRP) sebagai jawatankuasa adhoc di bawah JK FTP untuk terus menilai dan menguruskan kes-kes berkaitan masalah kesihatan mental dalam kalangan pengamal perubatan berdaftar.

Jadual 9 di bawah meringkaskan statistik syor Jawatankuasa PKSP/MRP yang telah dipersetujui oleh JK FTP dan diperakukan oleh Majlis sejak tahun 2017 sehingga 2020.

Jadual 9: Ringkasan Syor Jawatankuasa PKSP/MRP sejak Tahun 2017 sehingga 2020

	Syor Jawatankuasa MRP	Tahun/Bil. Kes			
		2017	2018	2019	2020
Selamat untuk mengamal	Diberi Pendaftaran Penuh	42	48	55	87
	Diberi Pendaftaran Sementara	14	6	7	12
	Dibenarkan meneruskan latihan siswazah	99	75	97	69
	Dibenarkan untuk mengamal	33	29	26	39
	Pendaftaran semula nama ke dalam Buku Daftar Perubatan Malaysia (<i>Reinstatement</i>)	-	-	-	-
	Diluluskan				
Tidak selamat untuk mengamal	Pembatalan Pendaftaran Penuh	1	-	-	-
	Pembatalan Pendaftaran Sementara	5	3	-	5
	Pendaftaran semula nama ke dalam Buku Daftar Perubatan Malaysia (<i>Reinstatement</i>) Ditolak	-	-	-	1
	Memerlukan rawatan susulan	24	11	2	-
Tangguh	Dokumen tidak lengkap	30	20	5	6
	Tidak hadir penilaian	-	-	-	9
	Mendapatkan rawatan sepenuhnya	-	-	-	6
	Rujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan	-	-	-	-
	Rujuk Jawatankuasa FTP untuk pandangan kedua	-	-	-	4
	Lain-lain	-	-	-	-
Jumlah		248	192	192	238

Carta 7 di bawah menunjukkan graf bagi jumlah pengamal perubatan berdaftar yang dinilai oleh Medical Review sejak tahun 2017 sehingga 2020.

Carta 7: Statistik Jumlah Pengamal Perubatan Berdaftar yang Dinilai oleh Medical Review Panel sejak tahun 2017 sehingga 2020
(Jumlah keseluruhan: 870 kes)



Perakuan Amalan Tahunan (APC)

Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) telah menetapkan keperluan mata Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan perlindungan insurans indemniti peribadi untuk permohonan APC.

Keperluan mata CPD bagi permohonan APC akan dilaksanakan untuk permohonan APC tahun 2020 dengan pengumpulan mata CPD bermula dari 1 Julai 2018 sehingga 30 Jun 2019. Manakala, bagi keperluan untuk perlindungan insurans indemniti peribadi di bawah tanggung rugi professional hanya akan diwajibkan untuk permohonan APC bagi tahun 2021. Jadual 10 di bawah menunjukkan jumlah APC yang dikeluarkan sepanjang tahun 2017 sehingga 2020.


Jadual 10: Jumlah APC Mengikut Sektor dan Tempat Amalan Utama bagi Tahun 2017 sehingga 2020

Negeri	2017		2018		2019		2020		
	Awam	Swasta	Awam	Swasta	Awam	Swasta	Awam	Swasta	Badan Berkanun
Kuala Lumpur	5003	2606	5052	2625	5254	2671	5707	2637	12
Labuan	73	22	81	24	110	22	105	23	0
Putrajaya	866	31	999	34	1095	42	1133	44	0
Johor	2310	1580	2451	1606	2886	1657	3617	1676	0
Kedah	1538	630	1677	622	1848	626	2333	635	1
Kelantan	2169	307	2250	308	2429	322	2919	307	0
Melaka	879	562	1046	575	1104	574	1200	582	0
Negeri Sembilan	1273	524	1455	533	1762	531	1939	542	1
Pahang	1439	382	1622	380	1931	392	2208	412	2
Pulau Pinang	1657	1210	1854	1222	1979	1223	2243	1223	0
Perak	1888	1100	2132	1091	2388	1098	2766	1071	2
Perlis	301	48	361	62	374	60	449	59	0
Selangor	4757	4117	5371	4195	5740	4326	6707	4387	4
Terengganu	1259	270	1411	262	1406	275	1439	276	0
Sabah	2384	551	2946	551	3186	553	3350	567	1
Sarawak	2530	536	2824	543	2894	552	3064	549	0
Lain-lain	0	0	19	6	0	0	0	0	0
Jumlah	30326	14476	33551	14639	36386	14924	41179	14990	23
Jumlah Keseluruhan	44802		48190		51310		56192		

Nota: Jumlah berdasarkan tempat amalan utama pengamal perubatan.


Carta 8 di bawah menunjukkan graf mengenai jumlah permohonan APC mengikut sektor amalan (awam dan swasta) mulai tahun 2017 sehingga 2020.

Carta 8: Permohonan APC Mengikut Sektor Amalan Utama mulai Tahun 2017 sehingga 2020



Carta 9 di bawah menunjukkan graf mengenai peratusan permohonan APC mengikut sektor amalan utama (awam dan swasta) mulai tahun 2017 sehingga 2020.

Carta 9: Peratusan APC Mengikut Sektor Amalan Utama mulai Tahun 2017 sehingga 2020



Akreditasi & Pengiktirafan Institusi Perubatan

Pengamal perubatan yang ingin didaftarkan untuk mengamal di Malaysia mestilah mempunyai kelayakan dari institusi perubatan yang diiktiraf seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan. Bagi mereka yang tidak mempunyai kelayakan yang diiktiraf, mereka perlu lulus Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara.

Menurut Peraturan 22 di bawah Peraturan-Peraturan Perubatan 2017, MPM diperuntukan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Perubatan (MEC) bagi mewujudkan standard pendidikan dan mengiktiraf kelayakan perubatan bagi tujuan pendaftaran.

Manakala, bagi tujuan akreditasi program perubatan pula, Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) telah ditubuhkan berdasarkan Seksyen 51, Akta 679 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). JTB terdiri daripada lima agensi kerajaan seperti yang disenaraikan di bawah:

- | | |
|-------------|---|
| Pengerusi : | Presiden, Majlis Perubatan Malaysia |
| Ahli : | i. Majlis Perubatan Malaysia (5 orang wakil)
ii. Kementerian Kesihatan Malaysia (2 orang wakil)
iii. Kementerian Pendidikan Malaysia (4 orang wakil)
iv. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (1 orang wakil)
v. Jabatan Perkhidmatan Awam (1 orang wakil) |

MPM telah bekerjasama dengan MQA dalam proses akreditasi program perubatan tempatan. Peranan MPM selaku badan profesional profesion perubatan adalah untuk memberi input kepada JTB dan mengambil bahagian dalam lawatan Akreditasi MQA sebagai wakil badan profesional.

Merujuk kepada Jadual 11, terdapat sebanyak 13 program perubatan tempatan dari sektor awam dan 22 program perubatan dari sektor swasta yang telah diiktiraf oleh MPM. Pemantauan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PnP) program-program ini dijalankan melalui proses akreditasi oleh MQA bersama wakil MPM mengikut status akreditasi program masing-masing.

Senarai penuh institusi perubatan yang diiktiraf seperti yang diwartakan dalam Jadual Kedua Akta Perubatan meliputi institusi luar negara juga boleh diakses melalui laman web rasmi MPM, mmc.gov.my.

Jadual 11: Senarai Program Perubatan Tempatan yang diiktiraf MPM

No.	Universiti
	Sektor Awam
1	Universiti Malaya (UM)
2	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3	Universiti Kebangsaan Malaysia - Universitas Padjadjaran, Indonesia (UKM-UNPAD)
4	Universiti Sains Malaysia (USM)
5	Universiti Sains Malaysia - International Medical Programme, Belgaum, Bangalore (USM-KLE)
6	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
7	Universiti Putra Malaysia (UPM)
8	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
9	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
10	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
11	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
12	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
13	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Sektor Swasta	
1	International Medical University (IMU)
2	RCSI & UCD Malaysia Campus (RUMC)
3	Melaka-Manipal Medical College (MMMC)
4	Universiti Kuala Lumpur - Royal College of Medicine Perak (UniKL-RCMP)
5	AIMST University
6	Monash University Malaysia
7	UCSI University
8	Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)
9	Management & Science University - International Medical School, Bangalore (MSU-IMS)
10	Management & Science University, Shah Alam Campus (MSU)
11	Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed Malaysia)
12	MAHSA University
13	Taylor's University
14	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
15	SEGi University
16	Asia Metropolitan University (AMU)
17	Perdana University Graduate School of Medicine (PUGSOM)
18	Perdana University - Royal College of Surgeons, Ireland (PU-RCSI)
19	Lincoln University College (LUC)
20	QUEST International University Perak (QIUP)
21	WIDAD University College
22	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara (EPR)

Individu yang memiliki kelayakan asas perubatan yang tidak diiktiraf dan tersenarai dalam Jadual Kedua mestilah menduduki dan lulus peperiksaan dengan MPM sebelum boleh didaftarkan bagi mengamal di Malaysia.

Sebelum tahun 2015, di bawah Peraturan Perubatan (Penetapan Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara) 2012, graduan yang tidak diiktiraf dibenarkan menduduki peperiksaan yang dikenali sebagai Peperiksaan Kelayakan Perubatan (MQE), dalam program perubatan yang telah diakreditasi dan yang ditawarkan oleh badan atau pusat peperiksaan yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Dengan Peraturan Perubatan (Penetapan Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara) 2015, MQE telah digantikan dengan Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara (EPR). Untuk tujuan tersebut, Jawatankuasa EPR MPM telah ditubuhkan bagi mengendalikan peperiksaan teori dan peperiksaan klinikal EPR.

Dengan EPR, pemohon perlu menduduki peperiksaan teori yang diadakan di bawah kelolaan MPM. Mereka yang lulus kemudiannya perlu menduduki peperiksaan klinikal yang diadakan di sebuah institusi Pendidikan Tinggi perubatan seperti yang ditetapkan oleh MPM. Keputusan perlu diperakukan oleh Majlis sebelum makluman dibuat kepada calon.

Peperiksaan EPR yang pertama telah diadakan pada bulan Julai 2016. Sejurus itu peperiksaan EPR dirancang untuk dilaksanakan sebanyak dua kali setahun iaitu melibatkan peperiksaan teori yang pada kebiasaanya bermula pada bulan Mac dan September setiap tahun dan kemudian dibenarkan untuk menduduki peperiksaan klinikal kira-kira 3 bulan selepas lulus peperiksaan teori tersebut.

Pada pertengahan tahun 2020, MPM merancang untuk membangunkan *Online Assessment System* untuk tujuan menjalankan peperiksaan teori secara dalam talian. Jawatankuasa EPR telah terlibat di bawah jawatankuasa khusus yang ditubuhkan untuk berperanan membuat syor pelantikan vendor sistem peperiksaan secara dalam talian tersebut. Kemudian, pada 13 Julai 2020, MPM telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Examsoft Worldwide Incorporated dari USA bagi melaksanakan peperiksaan teori EPR secara dalam talian.

Bagi tahun 2020, peperiksaan teori hanya sempat berlangsung pada bulan Mac 2020 sahaja. Peperiksaan seterusnya bagi komponen teori dan klinikal tidak dapat dilaksanakan disebabkan penularan kes Covid-19. Berikut merupakan jadual bagi keputusan peperiksaan EPR pada tahun 2017 sehingga 2020.

Jadual 12: Keputusan Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara bagi Tahun 2017 sehingga 2020

Bahagian Peperiksaan	Bilangan Calon	2017		2018		2019		2020	
		Mac	Sept	Mac	Sept	Mac	Sept	Mac	Sept
Peperiksaan Teori	Bilangan Calon	58	34	47	49	56	53	58	-
	Lulus	37	18	14	23	31	26	33	-
Peperiksaan Klinikal	Gagal	21	16	33	26	25	27	25	-
	Bilangan Calon	36	15	17	21	29	31	-	-
Peratus Lulus Peperiksaan (%)	Lulus	33	15	14	20	24	29	-	-
	Gagal	3	-	3	1	5	2	-	-
Peratus Lulus Peperiksaan (%)		56.9%	44.1%	29.8%	40.8%	42.9%	54.7%	-	-



Etika dan Tatatertib

Akta ini memperuntukkan kes-kes berikut untuk didengar di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) dan Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 (Pindaan 2017):

- Kes yang sudah menjalani siasatan sebelum 1 Julai 2017;
- Aduan diterima sebelum 1 Julai 2017; dan
- Aduan yang diterima selepas 1 Julai 2017 kerana dakwaan kesalahan yang berlaku sebelum tarikh tersebut.

Berikut adalah jadual-jadual statistik yang berkaitan dengan penerimaan aduan, kes-kes dan keputusan pendengaran di bawah MPM sepanjang tahun 2020.

Jadual 13: Statistik Aduan Yang Disanksi Ke Jawatankuasa Penyiasatan Pemulaan (JPP) di bawah Akta Perubatan 1971 & Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) bagi Tahun 2020

JPP AKTA	JPP I / 1	JPP II / 2	JPP III / 3	JPP IV / 4	JPP V / 5	JPP VI	JUMLAH
Akta Perubatan 1971	1	1	-	1	1	-	4
Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)	9	9	9	8	9	NIL	44
JUMLAH	10	10	9	9	10	0	48

Jadual 14: Statistik Kes Di Peringkat Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan Mengikut Akta Perubatan 1971 & Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) bagi Tahun 2020

AKTA PERUBATAN 1971						AKTA PERUBATAN 1971 (PINDAAN 2012)					JUMLAH
JPP I	JPP II	JPP III	JPP IV	JPP V	JPP VI	JPP 1	JPP 2	JPP 3	JPP 4	JPP 5	
7	3	7	3	7	3	7	4	23	13	6	83

Jadual 15: Statistik Kes Di Peringkat Majlis Perubatan Malaysia Dan Disiplinary Board Mengikut Akta Perubatan 1971 & Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) Bagi Tahun 2020

AKTA PERUBATAN 1971						AKTA PERUBATAN 1971 (PINDAAN 2012)					JUMLAH
JPP I	JPP II	JPP III	JPP IV	JPP V	JPP VI	DB 1	DB 2	DB 3	DB 4	DB 5	
5	4	2	1	3	1	10	13	8	10	11	68

Jadual 16: Statistik Keputusan Pendengaran di Peringkat Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan di bawah Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 bagi Tahun 2020

PERUNTUKAN	KETERANGAN	JUMLAH KES
Peraturan 28	Kes dibuang terus oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan	1
Peraturan 29(2)	Kes tidak dapat diteruskan ekoran pengadu tidak menghadiri perbicaraan terhadap aduan	-
30 DISEMBER 2021





MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
PENYATA PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami, **TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH** dan **DATO' DR. MOHD KHAIRI BIN YAKUB** yang merupakan Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perubatan Malaysia (MPM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis MPM, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan MPM bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis MPM,

Bagi pihak Majlis MPM,


**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR
HISHAM BIN ABDULLAH
PRESIDEN
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**


**DATO' DR. MOHD KHAIRI BIN YAKUB
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
PENYATA KETUA PEGAWAI KEWANGAN

Saya, **MUHAMMAD ZHARIF BIN MD KHAIRI**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Perubatan Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Majlis Perubatan Malaysia dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.



Sebenarnya dan sesungguhnya)

MUHAMMAD ZHARIF BIN MD KHAIRI

KETUA PEGAWAI KEWANGAN

Diakui oleh penama di atas)

di)
KUALA LUMPUR
pada.....)
27 SEP 2021

Di hadapan saya,



Lot 1.14, Tingkat Bawah,
Bangunan Medan Mara,
50350 Jalan Raja Laut
Kuala Lumpur,

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA PADA
31 DISEMBER 2020**

Nota	2020 RM	2019 RM
ASET		
Aset Semasa		
Wang Tunai di Tangan dan Bank	3	6,334,222
Simpanan Tetap	3	17,249,239
Akaun Belum Terima	4	32,842
Pelbagai Deposit		2,600
Jumlah Aset Semasa		23,618,903
		17,476,926
Aset Bukan Semasa		
Hartanah, Loji Dan Peralatan	5	797,782
Aset Dalam Pembinaan	6	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		797,782
JUMLAH ASET		24,416,685
		18,303,260
LIABILITI		
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	7	171,604
Jumlah Liabiliti Semasa		171,604
JUMLAH LIABILITI	171,604	250,395
ASET BERSIH	24,245,081	18,052,865
DANA DIPEGANG OLEH		
Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia	8	24,245,081
JUMLAH DANA	24,245,081	18,052,865

* Nota-nota yang disertakan di muka surat 16 sehingga 18 adalah merupakan sebahagian daripada pengiraan Penyata Kedudukan Kewangan dan perlu dibaca bersama, penyata kewangan ini

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA BAGI
TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	Nota	2020 RM	2019 RM
HASIL			
Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran:			
Lesen, Terimaan Pendaftaran Dan Permit	10	11,628,692	8,252,470
Pendapatan Perkhidmatan	11	557,957	889,165
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	12	-	20
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	13	279,394	65,825
Pendapatan Lain	14	263,106	559,865
		12,729,149	9,767,345
Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran:			
Denda Dan Hukuman	15	92,922	447,900
Terimaan Aset Secara Hadiah dari Kerajaan	16	-	187,583
		92,922	635,483
Terimaan Bukan Hasil:			
Geran Kerajaan	17	2,000,000	2,000,000
JUMLAH HASIL		14,822,072	12,402,828
PERBELANJAAN			
Gaji, Upahan Dan Manfaat Pekerja	18	2,935,760	2,322,046
Perkhidmatan Dan Bekalan	19	4,997,418	2,609,862
Perbelanjaan Lain	20	240,388	290,314
Susut Nilai	21	150,386	154,742
JUMLAH PERBELANJAAN		8,323,952	5,376,964
LEBIHAN / (KURANGAN)		6,498,120	7,025,864

* Nota-nota yang disertakan di muka surat 19 sehingga 22 adalah merupakan sebahagian daripada pengiraan Prestasi Kewangan dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**PENYATA ALIRAN TUNAI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA BAGI TEMPOH
BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI:		
Lebihan tahun semasa	6,498,120	7,025,864
Pelarasan:		
Susut Nilai Harta Modal	150,386	154,742
Pelarasan Susutnilai Harta Modal	119,578	-
Pergerakan Dalam Dana	(305,903)	123,914
Faedah Atas Simpanan Tetap Diterima	(279,394)	-
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	6,182,787	7,304,520
(Peningkatan)/Pengurangan dalam Penghutang (Akaun Balum Terima)	(13,716)	5,750
(Pengurangan)/Peningkatan dalam Pembiutang (Akaun Belum Bayar)	(78,791)	36,382
Tunai Bersih (Digunakan) / Daripada Aktiviti Operasi	6,090,280	7,346,652
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN:		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(653,095)	(21,425)
Aset Dalam Pembinaan	411,682	(314,082)
Faedah Atas Simpanan Tetap Diterima	279,394	-
Aliran Tunai Masuk Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	37,981	(335,507)
LEBIHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	6,128,261	7,011,145
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	17,455,200	10,444,055
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	23,583,461	17,455,200
KOMPONEN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI :-		
Tunai dan Baki Bank	23,583,461	17,455,200
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	23,583,461	17,455,200

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	RM
Baki Pada 1 Januari 2019	10,903,087
Pergerakan Dalam Dana	123,914
Lebihan Pendapatan / (Pembayaran)	7,025,864
Baki Pada 31 Disember 2019	18,052,865
Baki pada 1 Januari 2020	18,052,865
Pergerakan Dalam Dana	(305,903)
Lebihan Pendapatan / (Pembayaran)	6,498,120
Baki Pada 31 Disember 2020	24,245,082

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**PENYATA PRESTASI BAJET MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA BAGI TEMPOH BERAKHIR
31 DISEMBER 2020**

Nota	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar	Varian ^
	RM Asal	RM Akhir	RM	RM
Hasil				
Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran:	12,729,149	12,729,149	12,729,149	-
Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran:	92,922	92,922	92,922	-
Jumlah Hasil	12,822,072	12,822,072	12,822,072	-
Pembayaran				
Emolumen	a 3,318,824	3,318,824	2,935,761	383,063
Perkhidmatan dan Bekalan	b 4,768,324	4,768,324	4,771,427	(3,103)
Aset	c 734,220	734,220	201,495	532,725
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	d 200,000	200,000	225,991	(25,991)
Perbelanjaan Lain	e 268,000	268,000	390,774	(122,774)
Jumlah Belanja	9,289,368	9,289,368	8,525,448	763,920
JUMLAH PERUNTUKAN	9,289,368	9,289,368	8,525,448	763,920
PENERIMAAN BERSIH	22 3,532,704	3,532,704	4,296,624	(763,920)

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Nota a:

Pengurangan bayaran emolumen adalah kerana kekosongan jawatan disebabkan oleh kenaikan pangkat dan beberapa jawatan yang masih belum diisi.

Nota b:

Bayaran perkhidmatan dan bekalan adalah perbelanjaan pengoperasian Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

Nota c:

Bayaran pembelian aset tak alih yang bernilai RM2,000 dan ke atas. Pengurangan penggunaan bajet adalah di sebabkan beberapa perancangan yang dirangka tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh Pandemik Covid-19 yang melanda negara.

Nota d:

Bayaran pemberian manfaat kepada kakitangan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) adalah seperti bayaran insurans kakitangan.

Nota e:

Bayaran lain-lain perbelanjaan dan caj perbankan.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Akta Perubatan 1971 (Akta 50), telah diluluskan di Parlimen pada 1 Oktober 1971. Melalui Akta Perubatan (Pindaan) 2012 yang telah diwartakan pada 20 September 2012, Majlis Perubatan Malaysia telah ditubuhkan sebagai Badan Berkanun di bawah seksyen 3(1) dan YB Menteri Kesihatan telah mengumumkan tarikh kuat kuasa Majlis Perubatan Malaysia sebagai badan berkanun mulai 1 Julai 2017. Aktiviti utama Majlis Perubatan Malaysia adalah seperti berikut.

- a Mengawal selia etika pengamal perubatan dalam negara
- b Mendaftar Pengamal Perubatan yang diiktiraf oleh Malaysia.
- c Mentadbir peperiksaan Pengamal Perubatan dengan cekap dan adil.
- d Melindungi Pengamal Perubatan agar senantiasa bersikap Professional dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 telah di luluskan dalam Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia Bil. 410 pada 21 September 2021.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyediaan Penyata Kewangan ini adalah berasaskan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Penyata Kewangan MPM tahun 2020 disediakan mengikut asas akruan kecuali hasil yang masih menggunakan asas tunai.

b) Perubahan Ke Atas Persembahan Atau Klasifikasi Butiran

Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

c) MPM masih dalam tempoh peralihan MPSAS dan telah mengguna pakai MPSAS yang berkenaan bagi tahun kewangan semasa:

MPSAS	PERIHAL
MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 9	Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 17	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

MPSAS	PERIHAL
MPSAS 21	Penjejasan Aset Yang Tidak Menjana Tunai
MPSAS 23	Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	Manfaat Pekerja
MPSAS 26	Penjejasan Aset Menjana Tunai
MPSAS 28	Instrumen Kewangan: Pembentangan
MPSAS 29	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan: Pendedahan
MPSAS 31	Aset Tak Ketara
MPSAS 33	Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan
MPSAS 38	Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

d) Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia

Majlis mengawal dan mentadbir satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia.

e) Pertimbangan dan Anggaran Perakaunan Penting

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Majlis Perubatan Malaysia membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap dasar perakaunan yang digunakan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan, perbelanjaan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada akhir tahun kewangan.

Anggaran dan andaian yang digunakan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh semasa anggaran itu disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semasa semakan dan tempoh masa hadapan jika semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa hadapan.

2.2 Perubahan Dalam Dasar Perakaunan

Penyata Kewangan Majlis Perubatan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah disediakan bagi tempoh 12 bulan.

2.3 Aset

Aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti akibat peristiwa lampau dan daripadanya manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir kepada entiti itu. Sesuatu item diiktiraf sebagai aset dalam penyata kewangan jika aset itu memenuhi takrifan bagi aset dan nilai aset tersebut boleh diukur dengan pasti.

i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada Wang Tunai di Bank, Wang Tunai di Tangan dan Simpanan Tetap.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

ii) Akaun Belum Terima (Urusniaga Pertukaran)

Akaun Belum Terima (Urusniaga Pertukaran) diiktiraf apabila barang dipindahkan, perkhidmatan dilaksanakan dan apabila invois dikeluarkan.

Nilai Akaun Belum Terima (Urusniaga Pertukaran) pada mulanya diukur pada amaun urus niaga (nilai saksama pertimbangan - *fair value of consideration*) dan kemudiannya pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.

iii) Aset Kewangan Lain

Aset Kewangan Lain terdiri daripada Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan (dipegang untuk perdagangan), Pelaburan Dipegang Hingga Matang dan Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual;

- a) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau kurangan (dipegang untuk perdagangan) pada mulanya diukur pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.
- b) Pelaburan Dipegang Hingga Matang pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan kemudiannya diukur pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.
- c) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan kemudiannya diukur seperti yang berikut:
 - i) Nilai saksama; atau
 - ii) Kos ditolak amaun penjejasan nilai (hanya untuk pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai sebut harga pasaran dalam pasaran aktif dan dengan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan betul);
 - iii) Mengiktiraf semua perubahan terkumpul pada nilai saksama dalam komponen berasingan bagi aset bersih/ekuiti sehingga penyahiktirafan atau penjejasan nilai berikutnya, apabila entiti itu akan memindahkan keuntungan atau kerugian terkumpul kepada lebihan atau kurangan. Kerugian penjejasan nilai tersebut tidak boleh ditimbal balik melalui lebihan atau kurangan.

iv) Hartanah, Loji dan Peralatan

Had Nilai Permodalan

Had Nilai Minimum permodalan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000 bagi setiap item, tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Hartanah, Loji dan Peralatan pada mulanya direkodkan pada harga kos bagi aset yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran manakala bagi aset yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan.

Pengiktirafan dan Pengukuran Berikutnya

Hartanah, Loji dan Peralatan kemudiannya diukur menggunakan model kos, yang mana nilai bawaan aset adalah pada harga kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Aset Dalam Pembinaan

Aset Dalam Pembinaan adalah aset yang sedang dibina dan belum digunakan untuk tujuan yang dikehendaki. Aset Dalam Pembinaan tidak disusut nilai semasa tempoh pembinaan. Apabila aset sedia untuk digunakan, Aset Dalam Pembinaan akan dikelaskan semula kepada kategori Hartanah, Loji dan Peralatan yang bersesuaian dan dicaj susut nilai.

Susut Nilai

Kaedah garis lurus digunakan untuk menghapuskira kos hartanah, loji dan peralatan mengikut kadar anggaran guna hayat bagi setiap bahagian hartanah, loji dan peralatan berdasarkan usia guna seperti berikut:

KATEGORI	USIA GUNA (TAHUN)
Bangunan	
Bangunan Pejabat	50
Lain-lain Bangunan	25
Jentera dan Peralatan	
Peralatan Perkakas Pejabat	5
Perabot	5
Peralatan dan Perkakas ICT	5
Peralatan dan Perkakas Komunikasi	5
Peralatan dan Perkakas Sekuriti	5
Kenderaan	
Kereta	5
Motosikal	5

Pelupusan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf sebagai hasil/belanja dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh urus niaga berlaku.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Penjejasan Nilai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, MPM meneliti nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, penjejasan nilai diukur dengan membandingkan nilai yang boleh diperolehi dengan nilai dibawa aset dan jika jumlah yang terakhir adalah lebih tinggi, aset tersebut dikurangkan nilainya kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah boleh diperolehi semula sesuatu aset adalah nilai lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai dalam penggunaan, yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan.

v) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara MPM terdiri daripada lesen dan perisian teknologi maklumat. Ianya dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul, jika ada. Kos ini termasuk kos yang ditanggung pada mulanya untuk memperoleh dan menyediakan sesuatu aset tak ketara bagi kegunaan yang dikehendaki. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan.

Susut Nilai dan pelunasan

Kos Aset Tak Ketara dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus di sepanjang anggaran guna hayat selama 3 tahun.

Pelupusan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset tak ketara diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh di mana urus niaga berlaku.

vi) Aset Lain

Aset Lain pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga, dan kemudiannya diukur pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.

2.4 Liabiliti

Liabiliti ditakrifkan sebagai obligasi kini bagi MPM yang timbul daripada peristiwa lampau, dan penyelesaiannya dijangka akan mengakibatkan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan daripada MPM.

Sesuatu item diiktiraf sebagai liabiliti dalam penyata kewangan MPM jika obligasi tersebut memenuhi takrifan bagi liabiliti dan amaun bagi penyelesaian liabiliti tersebut boleh diukur dengan pasti.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

i) Akaun Belum Bayar dan Liabiliti Lain

Akaun Belum Bayar diiktiraf apabila barang atau perkhidmatan telah diterima. Bagi barang atau perkhidmatan yang diterima tanpa mengeluarkan Pesanan Belian, Akaun Belum Bayar diiktiraf apabila invois diterima. Akaun Belum Bayar dan liabiliti lain pada mulanya diukur pada amaun urus niaga (nilai saksama) kemudiannya pada kos terlunas.

ii) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, MPM mempunyai obligasi secara sah dan konstruktif, dan yang boleh dianggarkan dengan pasti disebabkan peristiwa yang telah berlaku dan terdapat kemungkinan akan mengakibatkan aliran keluar sumber-sumber ekonomi untuk menyelesaikan obligasi.

iii) Manfaat Pekerja

Pendedahan maklumat pelan manfaat merupakan maklumat pelan manfaat selepas pekerjaan selain daripada pelan caruman yang ditetapkan. Obligasi Majlis Perubatan Malaysia berkenaan dengan pelan persaraan manfaat tertakrif dikira berasingan bagi setiap pelan dengan menganggar jumlah manfaat masa depan yang diperoleh oleh pekerja sebagai balasan perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan terdahulu.

a) Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, bantuan khas kewangan dan PERKESO adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada pekerja MPM.

b) Pelan Persaraan Caruman Wajib

MPM mencarum di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) untuk pekerja yang memilih skim persaraan kerajaan. Caruman diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh dimana ia berkait. Tanggungan MPM selesai setelah caruman dibayar.

c) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Pengiraan gantian cuti rehat MPM dikira dengan menggunakan kaedah *projected unit credit* di mana ia melibatkan beberapa andaian seperti gaji akhir di gred jawatan tanpa mengambil kira kenaikan pangkat serta jumlah maksima GCR yang dikumpul dan baki tempoh perkhidmatan sebelum bersara. Pengiraan ini diperolehi selepas mendiskaunkan jumlah pembayaran GCR dengan menggunakan kadar diskaun tertentu.

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, MPM juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Walau bagaimanapun, tiada bayaran pampasan yang diperuntukkan dalam tahun kewangan semasa kerana MPM telah menamatkan pelantikan pekerja kontrak.

2.5 Dana

Dana MPM terdiri daripada Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia seperti tertakluk kepada Akta A1443 Akta Perubatan (Pindaan) 2012 Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia 4H(1).

2.6 Hasil

Hasil terdiri daripada Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran dan Hasil Daripada Bukan urus Niaga Pertukaran seperti berikut:

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

- a) Hasil lesen, terimaan pendaftaran dan permit diiktiraf pada masa lesen, terimaan pendaftaran dan permit dikeluarkan.
- b) Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadarhan masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut.
- c) Pendapatan lain diiktiraf apabila perkhidmatan tersebut telah diberikan.

Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

2.7 Transaksi Matawang Asing

Urusniaga dalam matawang asing dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga.

2.8 Maklumat Bajet

Belanjawan tahunan disediakan pada asas tunai. Oleh kerana penyata kewangan disediakan pada asas akruan, Penyata Perbandingan Belanjawan dan Jumlah Sebenar adalah didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan mengikut asas yang sama seperti penyediaan belanjawan tahunan dan meliputi bajet operasi sahaja.

2.9 Pihak Berkaitan

MPM menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas MPM, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli majlis.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember 2020 terdiri daripada:

	2020 RM	2019 RM
Wang Tunai Di Bank	6,331,222	13,452,200
Wang Tunai Di Tangan	3,000	3,000
Simpanan Tetap	17,249,239	4,000,000
Jumlah Tunai Dan Kesetaraan Tunai	<u>23,583,461</u>	<u>17,455,200</u>

4. AKAUN BELUM TERIMA

i) Akaun Belum Terima daripada Hasil Urus Niaga Pertukaran

Perincian Akaun Belum Terima daripada Hasil Urus Niaga Pertukaran pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Penghutang Pengamal Perubatan	15,026	20,126
Penghutang Perniagaan	17,820	-
Pendahuluan Diri	(4)	-
Kurang: Penjejasan Nilai	-	-
Jumlah Akaun Belum Terima	<u>32,842</u>	<u>20,126</u>

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kedudukan Hartanah, Loji dan Peralatan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	Nilai Buku Bersih			
	01 Januari 2020	Tambahan RM	Pelupusan RM	31 Disember 2020
	RM	RM	RM	RM
Lengkapan Pejabat - (A35104)(A35103)(A35102)	28,748	34,695	-	63,443
Kenderaan (A34101)	126,000	-	-	126,000
Perabot & Alat Penghawa Dingin - (A35105)	21,400	10,800	-	32,200
Komputer & Perkakasan ICT - (A38000)(A39101)	541,024	607,600	-	1,148,624
Bangunan (Kabin) - (A32201)	13,900	-	-	13,900
	<u>731,072</u>	<u>653,095</u>	<u>-</u>	<u>1,384,167</u>

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

	Susut Nilai Terkumpul			
	01 Januari 2020	Tambahan	Pelupusan	31 Disember 2020
	RM	RM	RM	RM
Lengkapan Pejabat - (A35104)(A35103)(A35102)	17,061	6	-	17,067
Kenderaan (A34101)	86,996	4	-	87,000
Perabot & Alat Penghawa Dingin - (A35105)	9,630	1,430	-	11,060
Komputer & Perkakasan ICT - (A38000)(A39101)	202,177	267,784	-	469,961
Bangunan (Kabin) - (A32201)	556	741	-	1,297
	316,420	269,965	-	586,385

	Nilai Bawaan	
	2020	2019
	RM	RM
Lengkapan Pejabat	46,376	11,687
Kenderaan	39,000	39,004
Perabot & Alat Penghawa Dingin	21,140	11,770
Komputer & Perkakasan ICT	678,663	338,847
Pelbagai Hartanah, Loji dan Peralatan	12,603	13,344
Jumlah Hartanah, Loji Dan Peralatan	797,782	414,652

6. ASET BUKAN SEMASA LAIN

Jumlah Aset Bukan Semasa Lain	2020	2019
	RM	RM
Pembinaan Dalam Kemajuan	-	411,682
Jumlah	-	411,682

7. AKAUN BELUM BAYAR

Kedudukan Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020	2019
	RM	RM
Pelbagai Akaun Belum Bayar	171,604	250,395
Jumlah Akaun Belum Bayar	171,604	250,395
Semasa	171,604	250,395
Jumlah	171,604	250,395

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

8. EKUITI

a) Lebihan / Kurangan Dana Am

	2020 RM	2019 RM
Lebihan Dana Am Pada 31 Disember 2020	24,550,984	17,928,951
Pelarasaran	(305,903)	-
Pergerakkan dalam Ekuiti	-	123,914
Jumlah Ekuiti	24,245,081	18,052,865

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

HASIL

Perincian Hasil MPM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran

	2020 RM	2019 RM
10. Lesen, Terimaan Pendaftaran Dan Permit		
Bayaran Fi Permohonan Pendaftaran Sementara	228,200	335,250
Bayaran FI Permohonan Pendaftaran Penuh	755,200	855,580
Bayaran FI Sijil Perakuan Amalan Tahunan (APC)	5,748,200	6,270,660
Bayaran FI Sijil Perakuan Amalan Sementara	46,900	299,980
Bayaran FI Permohonan Pendaftaran Semula Nama	100	-
Bayaran FI Permohonan Pembatalan Syarat untuk Pendaftaran	1,500	3,500
Bayaran FI Permohonan untuk Pendaftaran Pakar	4,660,087	3,000
Bayaran Fi Yuran Pendaftaran Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara	53,000	135,500
Bayaran Fi Yuran Pendaftaran Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara (Teori)	131,000	349,000
Bayaran Fi Yuran Pendaftaran Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara (Klinikal)	4,504	-
	11,628,692	8,252,470
11. Pendapatan Perkhidmatan		
Bayaran Carian dan Pengesahan Data dan Maklumat	5,107	7,645
Bayaran bagi Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Amalan Baik (LOGS)	213,000	338,650
Bayaran bagi Permohonan Terjemahan Perakuan Sijil	54,600	66,320
Bayaran bagi Salinan Dokumen atau Sijil	17,600	79,920
Caj Bayaran Penghantaran Dokumen Melalui Perkhidmatan Pos	12,100	133,460
Bayaran bagi Permohonan Salinan Rekod Prosiding	-	40
Caj Bayaran Bagi Maklum Balas Melalui Faks	-	10
Caj Bayaran Bagi Pindaan Dokumen / Sijil	220,750	261,620
Caj Perkhidmatan Bagi Memeriksa Semula Keputusan Peperiksaan EPR	13,600	1,500
Caj Tambahan Tempat Amalan APC	3,600	-
Bayaran Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib	17,600	-
	557,957	889,165
12. Perolehan dari Jualan Barang-Barang		
Jualan Dokumen Sebutharga	-	20
	-	20

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

	2020 RM	2019 RM
13. Faedah dan Perolehan dari Pelaburan		
Faedah Akaun Semasa	25,082	28,521
Faedah Simpanan Tetap	254,312	37,304
	279,394	65,825
14. Pendapatan Lain		
Pelbagai Lain-Lain Pendapatan MMC	263,106	547,365
Yuran Pendaftaran Seminar dan Kursus di Anjurkan MMC	-	12,500
	263,106	559,865
Jumlah Terimaan Urusniaga Pertukaran	12,729,149	9,767,345
Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran		
15. Denda dan Hukuman		
Denda Lewat Bayar Yuran Fi Sijil Amalan Tahunan	91,500	447,900
Denda Notis Berhenti Kerja Kakitangan MMC	1,422	-
	92,922	447,900
- MPM telah diluluskan menerima aset secara hadiah daripada KKM pada 03 Julai 2019.		
16. Terimaan Aset Secara Hadiah dari Kerajaan		
Terimaan Aset Secara Hadiah dari Kerajaan	-	187,583
Jumlah Terimaan Urusniaga Bukan Pertukaran	92,922	635,483
17. Terimaan Bukan Hasil		
Geran Mengurus Kerajaan	2,000,000	2,000,000
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	2,000,000	2,000,000
Jumlah Hasil	14,822,072	12,402,828

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

18. GAJI, UPAHAN DAN MANFAAT PEKERJA

Perbelanjaan ini adalah merujuk kepada bayaran kepada kakitangan yang memegang jawatan tetap dan Anggota Pentadbiran Majlis Perubatan Malaysia sebagaimana yang ditetapkan dalam pekeliling yang berkuatkuasa. Gaji Dan Upahan, Elaun Dan Imbuhan Tetap, Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan diiktiraf dalam tempoh pada masa perkhidmatan kakitangan tersebut diterima dan diukur pada kos urus niaga. Manfaat Pekerja yang dilaporkan adalah bayaran kepada kakitangan termasuk Pencen, Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat.

Perincian perbelanjaan Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Gaji Dan Upahan	1,638,840	1,347,729
Tunggakan Gaji Pokok	66,300	14,593
Tunggakan Kenaikan Gaji Tahunan	10,185	3,852
Tunggakan Bayaran Balik PCB	-	686
Tunggakan Elaun dan Bayaran Pindah Rumah	92,225	
Elaun Dan Imbuhan Tetap	708,522	616,309
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	295,172	221,501
Elaun Lebih Masa	36,998	65,945
Elaun dan Bayaran Pindah Rumah	-	2,381
Bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bantuan Kewangan	87,518	49,050
Jumlah Gaji, Upahan Dan Manfaat Pekerja	2,935,760	2,322,046

19. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Semua perbelanjaan bagi Perkhidmatan Dan Bekalan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh apabila barang dan perkhidmatan telah digunakan kecuali untuk sewaan dan bekalan bahan mentah. Sewaan diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh penyewaan. Bekalan bahan mentah atau alat ganti diiktiraf sebagai perbelanjaan atau dipermodalkan sebagai inventori bergantung kepada tujuan penggunaan bekalan tersebut.

Perincian perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Perjalanan Dan Sara Hidup	252,346	414,402
Pengangkutan Barang-Barang	30,587	9,910
Perhubungan Dan Utiliti	106,758	92,004
Sewaan	57,074	27,897
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	240,555	230,611
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	219,447	22,316
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	4,090,650	1,812,722
Jumlah Perkhidmatan Dan Bekalan	4,997,418	2,609,862

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

20. PERBELANJAAN LAIN

i) Perbelanjaan Lain

Perbelanjaan Lain adalah termasuk perbelanjaan Hapus Kira yang diluluskan berdasarkan tatacara hapus kira yang telah ditetapkan.

Perincian Perbelanjaan Lain bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Pulangan Balik Dan Hapus Kira	38,535	59,043
Kos Pemilihan Ahli Majlis	-	139,035
Bayaran Lain	201,853	92,236
Jumlah Perbelanjaan Lain	240,388	290,314

21. SUSUT NILAI, PELUNASAN NILAI DAN PENJEJASAN NILAI

i) Susut Nilai

Perakaunan perbelanjaan Susut Nilai adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh polisi perakaunan bagi setiap kelas aset.

Perincian perbelanjaan Susut Nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	150,386	154,742
Jumlah Susut Nilai	150,386	154,742

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

22. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis Perubatan Malaysia telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 01 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020. Bajet tahun 2020 telah diluluskan melalui Mesyuarat Ahli Majlis Perubatan Malaysia yang mana sebanyak RM2,000,000 perbelanjaan emolumen akan ditampung menerusi geran kerajaan manakala perbelanjaan lain perlu dibiayai menerusi sumber dalaman agensi.

Bajet dan penyata kewangan Majlis Perubatan Malaysia disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama seperti pada bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasian kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila ternyoh bajet disediakan berbeza daripada ternyoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan semasa adalah seperti di bawah:

	Operasi RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar seperti di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	763,920	-	763,920
Perbezaan asas	5,326,360	37,981	5,364,341
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	<u>6,090,280</u>	<u>37,981</u>	<u>6,128,261</u>

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

23. PERISTIWA SELEPAS TARikh PELAPORAN

Wabak terkini penyakit “Novel Coronavirus 2019” (“COVID-19”) sejak hujung tahun 2019 telah menjadi kes penting meningkat di seluruh dunia yang mendorong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengisytiharkan sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Satu siri langkah berjaga-jaga dan kawalan telah dan terus dilaksanakan di seluruh dunia. Kerajaan Malaysia telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 4 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020. Pada 7 Jun 2020 Perdana Menteri Malaysia mengumumkan bahawa PKP akan berterusan sehingga 31 Ogos 2020 di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang ditetapkan untuk bermula pada 10 Jun 2020.

Pihak pengurusan menyimpulkan bahawa kesan peristiwa yang tidak dapat diselaraskan disebabkan oleh wabak Covid-19 ini tidak banyak mempengaruhi nilai saksama aset kewangan dan aset bukan kewangan MPM. Ini termasuk klasifikasi perkara bagi tahun semasa dan bukan semasa yang dibentangkan pada tarikh pelaporan.

24. LIABILITI LUAR JANGKA

Terdapat kes saman melibatkan MPM dengan pengamal perubatan atau majikan yang masih dalam proses perbicaraan yang akan mengakibatkan implikasi kewangan ke atas MPM seperti berikut:

Bil.	Kes	RM
1	Sathasivam a/l Govindasamy -vs- Dr. Neoh Eu Rick Malaysian Medical Council	18,000.00
2	Dr. Patrick Tan Kee Seng -vs- Malaysian Medical	18,901.29
3	Malaysian Medical Council -vs- Dr. Yap Cheng Kwee	32,270.00
4	Dr. Noorulamin Bin Abdul Rahman -vs- Majlis Perubatan Malaysia	18,000.00
5	Lourdes Dava Raj a/l Curuz Durai Raj -vs- Malaysian Medical Council	144,718.47
6	Dr. Milton Lum Siew Wah V. Malaysian Medical Council	42,308.00
7	Court of Appeal No: W-01(NCVC)(W)-23-01/2019 Malaysian Medical Council Prof. Dato' Dr. Wan Mohamed Bebakar -vs- Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd	58,075.20
		<u>332,272.96</u>

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50])

25. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

Bil.	Kes	RM
8	Federal Court Appeal No.: 02(I)-91-10/2018(W) Malaysian Medical Council & Prof. Dato' Dr. Wan Mohamed Bebakar v. Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd	54,060.00
9	Kuala Lumpur High Court Civil Suit No.: 22NCVC-51-02/2014 Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd v. Malaysian Medical Council & Prof. Dato' Dr. Wan Mohamed Bebakar	11,654.00
10	Federal Court Appeal No: 02(I)-91-10/2018(W) Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd v. Prof. Dato' Dr. Wan Mohamed Bebakar	53,848.00
11	Lt. Kol. (R) Dr. Meer Ahmad Mydin Meera v. Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Persatuan Perubatan, The Continued Professional Development Committee & Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia	12,500.00
12	Dr. Mohd Ismail bin Abdul Hamid v. Dato' Dr. Mahmud bin Mohd Nor & Malaysian Medical Council	21,640.00
13	Dr. Mohd Ismail Bin Abdul Hamid v. Majlis Perubatan Malaysia	22,850.00
14	Dr. Milton Lum Siew Wah v. Malaysian Medical Council	53,592.00
15	Federal Court Appeal No: 02(I)-91-10/2018(W) Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd v. Prof. Dato' Dr. Wan Mohamed Bebakar	10,400.00
16	Kuala Lumpur High Court Civil Suit No.: 22NCVC-51-02/2014 Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd v. Malaysian Medical Council & Prof. Dato' Dr. Wan Mohamed Bebakar	260,000.00
17	Application to Re-Amend the re- amended Statement of Claim Kuala Lumpur High Court No.: 22NCVC-51-02/2014 Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd v. Malaysian Medical Council & Prof. Dato' Dr. Wan Mohamed Bebakar	27,420.00
18	MMC's Appeal Against Full Trial Court of Appeal No.: W-01(NCVC)(W)-23-01/201 Malaysian Medical Council & Prof. Dato' Dr. Wan Mohamed Bebakar v. Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd	160,678.00
JUMLAH KESELURUHAN		<u>1,020,914.96</u>



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
Blok B, Aras Bawah, Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
Tel. : +603-2691 2171
Laman Web : mmc.gov.my